

Sediakan tabung khas kecemasan

Simpanan tetap sehingga enam bulan perbelanjaan hidar diri daripada berhutang

URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

JIKA ditanya mana-mana perancang kewangan mengenai waktu sesuai untuk menyimpan, rata-rata akan memberikan jawapan, mulalah menyimpan daripada awal.

Jangan menunggu sehingga waktu yang sesuai.

Ini disebabkan lebih awal anda mula menyimpan, lebih banyak wang simpanan anda di kemudian hari.

Berapa pula wang yang harus kita peruntukan setiap bulan untuk menyimpan?

Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM) mencadangkan pengguna menyimpan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada pendapatan setiap bulan sebelum berbelanja.

Ini bererti jika pendapatan bersih anda ialah RM2,000 sebulan, peruntukan RM200 daripada jumlah itu untuk simpanan supaya dalam setahun anda akan memperoleh RM2,400, tidak termasuk faedah simpanan.

Selain itu, bagi meningkatkan lagi simpanan anda itu, setiap kali pendapatan anda bertambah, contohnya, apa-

bila anda menerima bonus, masukkan wang berkenaan ke dalam bank.

Selain itu, untuk meningkatkan jumlah simpanan, simpan wang anda dalam akaun simpanan tetap.

Dengan faedah yang lebih tinggi berbanding akaun simpanan, wang simpanan anda akan bertambah dengan lebih cepat.

Petua untuk menyimpan adalah, anda perlu menyimpan sebelum berbelanja bukan sebaliknya.

Apa yang kebanyakan orang lakukan adalah apabila mendapat pendapatan dan hanya setelah ditolak perbelanjaan, barulah wang itu disimpan.

Namun apa yang sepatutnya anda lakukan adalah setelah mendapat perbelanjaan dan hanya setelah ditolak untuk kegunaan pelaburan dan simpanan, barulah berbelanja.

Dengan cara itu, anda akan dapat mendisiplinkan diri untuk menyimpan dan melabur.

Selain itu, wujudkan sebuah tabung kecemasan yang berjumlah tiga hingga enam bulan perbelanjaan bulanan anda untuk memenuhi keperluan, sekiranya terjadi sesuatu perkara atau perbelanjaan yang tidak diingini.



PENGGUNA juga boleh memilih produk akaun simpanan berlandaskan syariah yang ditawarkan hampir semua bank.

Tabung kecemasan ini akan menghindarkan diri anda daripada berhutang apabila terjadi perkara di luar jangkaan.

Bagaimanapun, jangan gunakan wang yang disimpan dalam tabung ini untuk perbelanjaan harian atau bagi memenuhi matlamat kewangan seperti bercuti, membeli rumah atau kereta.

Langkah untuk mewu-

judkan tabung kecemasan adalah seperti berikut.

Pertama sekali kira jumlah perbelanjaan bulanan anda, seperti bayaran perumahan, barangan dapur, pengangkutan, bil utiliti dan pembayaran hutang lain.

Kemudian, tetapkan bilangan bulan bagi perbelanjaan bulanan yang anda ingin simpan dalam tabung kecemasan anda, misalnya tiga

bulan (paling minimum).

Seterusnya, untuk mengetahui berapakah jumlah tabung kecemasan anda adalah dengan mengambil jumlah perbelanjaan bulanan yang didarabkan dengan bilangan bulan.

Andaikan jumlah perbelanjaan bulanan anda adalah RM1,500 dan anda menetapkan bilangan bulan selama tiga bulan, maka anda perlu

mempunyai dana kecemasan berjumlah RM4,500 dan mulalah menyimpan untuk mencapai jumlah itu.

Namun apa yang lebih penting, ABM mengingatkan pengguna supaya menyimpan atau melabur dengan pihak yang diberikan lesen oleh pihak berkuasa supaya simpanan dan pelaburan anda dilindungi.

Pihak berkenaan mestilah daripada kalangan institusi penerima deposit yang telah diberikan lesen oleh Bank Negara Malaysia.

Anda boleh memeriksa status pelesenan di laman web Bank Negara di www.bnm.gov.my.

Selain itu, semua simpanan dalam institusi kewangan yang diberikan lesen oleh Bank Negara akan diberikan jaminan sepenuhnya oleh kerajaan menerusi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Perlindungan ini diberikan secara automatik tanpa sebarang kos dikenakan ke atas pendeposit.

Untuk menyemak senarai individu dan syarikat yang terbabit dalam kegiatan pelaburan, anda boleh berbuat demikian dengan menyemak di laman web Suruhanjaya Sekuriti di www.sc.com.my.



PENGGUNA Malaysia tidak perlu bimbang dengan risiko menyimpan wang di bank tempatan kerana wang mereka dilindungi insurans PIDM.